OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

*University for All*



# Seminar Open Universiti Malaysia Ke-2

**21 Februari 2013**

**Dewan Theatrete**
**OUM, Kuala Lumpur**

**Hamid bin Awang**

# Peribahasa Melayu



Saya bukan …..

"Seperti Mengajar Itik Berenang di Dalam Kolam"

# Akan tetapi .........

## Seperti Kata Orang-orang tua.....




**Yang buta datang berpimpin,**
**Yang capik datang bertongkat,**
**Yang berilmu berkhabaran,**
**Yang kurang berilmu menunggu-nunggu,**
**Ibarat perigi menanti hujan,**
**Ibarat bumi yang ketandusan,**
**Kunjungan tuan-puan memberikan harapan,**
**Satu tujuan, satu harapan, demi pemerkasaan.**

**Meniti nilai kebersamaan sebagai harapan:**
**“Kerja sepakat membawa berkat, kerja bertangguh tidak menjadi”**

# Tajuk Pembentangan

Analisis Kekerapan Penyerapan Nilai Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Rendah

Kajian di Daerah Batang Padang Perak Darul-Ridzuan

# Objektif Kajian

- Menganalisis kekerapan penyerapan nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah.
- Meninjau sejauh manakah kefahaman guru terhadap konsep penyerapan nilai murni.
- Menganalisis permasalahan guru dalam menggunakan teknik penyerapan nilai semasa pengajaran bahasa Melayu.

## Tempat Kajian

- Sekolah-sekolah rendah daerah Batang Padang, Perak.

## Tempoh Masa Kajian

- 6 bulan menggunakan geran cuti sebatikal, UPSI.

## Penerbitan

- Artikel diterbitkan dalam Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, keluaran Januari – April 2012. Bil (25).

# Kepentingan Penyerapan Nilai Dalam Pengajaran.

- Nilai ialah suatu falsafah yang mempunyai ketinggian darjat serta pengukuran dalam membentuk sahsiah.
- Individu yang dijadikan sebagai objek utama dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan kepada aspek ontologi (teori kejadian), epistemologi (teori ilmu) dan axiologi (teori nilai).

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

Nilai murni tersebut bersifat sarwajagat dan telah dirumuskan keperluan penggunaannya oleh Jawatankuasa Pendidikan Akhlak (1976) yang merangkumi ciri-ciri agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Sikh, dan ajaran Confucius. Kesemua ciri-ciri yang positif dalam agama tersebut dimasukkan sebagai wahana pembentukan nilai murni yang perlu dan boleh diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), (1993:16) telah menerapkan beberapa strategi pengajaran yang berkaitan dengan penyerapan nilai murni khususnya dalam bahasa Melayu seperti berikut:

- Nilai murni merentas kurikulum
- Bahasa Melayu merentas kurikulum
- Kesepaduan ilmu, kemahiran dan nilai
- Budaya sekolah positif
- Kesepaduan antara kurikulum dan kokurikulum

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

17 Nilai murni tersebut seperti berikut :

a. Baik hati
b. Berdikari
c. Berhemah tinggi
d. Hormat-menghormati
e. Kasih sayang
f. Keadilan
g. Kebebasan
h. Keberanian
i. Kebersihan fizikal dan mental
j. Kejujuran
k. Kerajinan
l. Kerjasama
m. Kesederhanaan
n. Kesyukuran
o. Rasional
p. Bermasyarakat
q. Patriotisme

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

Premis Berkaitan Penyerapan Nilai murni :

Tajul Ariffin Nordin (1997), Sufean (1995), Marimuthu (1990), Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2000) menekankan kepada kepentingan nilai dalam pengajaran.

Kajian Tunku Sarah (1997), Robiah (2001), Ismail Saliyan (2000), Rushani Abdullah (1992) mendapati bahawa penyerapan nilai amat kurang dititikberatkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran lebih tertumpu kepada proses kognitif, (Heng Keng, 1994 dan Kamarudin,1989).

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

Laporan Razak (1956), Rahman Talib (1960), Rukun Negara (1970), Dasar Ekonomi Baru (1973), Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1987), Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) dan Akta Pendidikan (1996) adalah teras dan ideologi yang menekankan kepada pembangunan insaniah dan modal insan melalui sistem pendidikan yang bersistematik.

**Tujuan dan hasrat pendidikan yang bersistematik akan dapat menghasilkan** :

Rajah 1 : Aliran Kesepaduan Nilai Murni



# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

**Pengisian Kurikulum Bahasa Melayu.**

- Pelbagai bidang ilmu
- Nilai
- Kewarganegaraan.
- Peraturan sosiobudaya
- Kemahiran bernilai tambah
    - Kemahiran berfikir
    - Kemahiran teknologi maklumat
    - Kemahiran belajar cara belajar
    - Kajian masa depan
    - Kecerdasan pelbagai
    - Pembelajaran konstruktivisme
    - Pembelajaran kontekstual

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

**Pedagogi Pengajaran Bahasa Melayu.**



# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

**Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Bahasa Melayu.**

- **Secara terancang di sepanjang pengajaran**
- **Secara tidak terancang**
- **Aktiviti pengajaran dan pembelajaran**

**Secara langsung / secara tidak langsung**

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

## Latar Belakang Kajian Penyerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu.

**Kaedah Kajian :**

**Kualitatif dan kuantitatif. Straus dan Corbin (1991) menjelaskan bahawa kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif boleh digunakan serentak dengan contoh kualitatif digunakan apabila ada keperluan untuk menjelaskan penemuan data daripada kuantitatif.**

**Instrumen Kajian :**

- **Soal selidik**
- **Borang Pemerhatian Pengajaran Guru**
- **Temu bual berstruktur**

# Kepentingan Penyerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran.

## Latar Belakang Kajian Penyerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu.

**Tempat Kajian :**
**Sekolah-sekolah rendah daerah Batang Padang. 39 buah sekolah terlibat dalam kajian seperti pecahan berikut :**

**Jadual 1 : Bilangan Sekolah**

| Bil | Kategori Sekolah | Bil. Responden | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | L | P | |
| 1. | A | 28 | 49 | 77 |
| 2. | B | 22 | 21 | 43 |
| | Jumlah | 50 | 70 | 120 |